

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 6 (3)

27 November 2018
19 Rabiulawal 1440

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 58/2018

GARIS PANDUAN MENGENDALIKAN GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 3/2018 yang diadakan pada 29 Januari 2018 telah meluluskan **Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja, Universiti Teknologi Malaysia.**

2. Gangguan seksual adalah perbuatan atau pernyataan yang bersifat seksual yang boleh memberi kesan negatif ke atas semangat kerja dan prestasi kerja. Gangguan seksual turut menimbulkan suasana persekitaran kerja yang serba salah, menakutkan, berasa terancam dan lain-lain kesan negatif yang menjejaskan suasana perhubungan yang baik dan harmoni di tempat kerja. Perbuatan ini dianggap tidak bermoral dan melanggar batas-batas perhubungan serta nilai peribadi seseorang.

3. Justeru itu, Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai perlakuan gangguan seksual dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak-pihak terlibat sebelum tindakan tatatertib dikenakan terhadap staf.

4. Perlu diberi perhatian bahawa, keharmonian di tempat kerja adalah merupakan antara elemen terpenting bagi kemajuan sesebuah organisasi. Universiti Teknologi Malaysia komited mewujudkan suasana kerja yang baik, harmonis, positif dan kondusif serta bebas dari gangguan seksual. Oleh itu:


- 4.1 Semua staf dan mana-mana pihak berurusan dengan Universiti Teknologi Malaysia adalah bebas dari gangguan seksual tanpa mengira kedudukan, jawatan, keturunan, jantina, ras dan agama.
- 4.2 Universiti Teknologi Malaysia mengambil perhatian yang serius di mana tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas mana-mana pihak yang didapati bersalah dan terlibat dalam gangguan seksual atau dilaporkan kepada pihak Polis bagi dakwaan di bawah Kanun Keseksaan.

- 4.3 Garis panduan yang diwujudkan akan merangkumi semua staf, termasuk staf akademik, staf pengurusan dan profesional, staf sokongan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan Universiti Teknologi Malaysia samada di tempat kerja atau di luar tempat kerja yang berkaitan dengan urusan pekerjaan.
5. Matlamat utama garis panduan ini adalah **bersifat untuk mendidik, dan memberi kefahaman dan sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan serta salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual**. Melalui usaha ini, diharapkan dapat memelihara perhubungan di tempat kerja agar lebih harmoni, saling hormat menghormati dan meningkatkan nilai budi bahasa serta integriti pegawai.
6. Garis panduan ini mengandungi huraian lanjut berkenaan **bentuk-bentuk gangguan seksual, prosedur membuat aduan, kesan-kesannya, tindakan dan langkah-langkah pencegahan**.
7. Sehubungan dengan itu, semua staf Universiti hendaklah mengambil tindakan dan perhatian lanjut mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja, Universiti Teknologi Malaysia dan sebarang rujukan boleh dibuat kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang UTM melalui talian tetap pejabat 07-5530391 atau emel ke legal@utm.my.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)
Menjalankan Tugas Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah